

23 AUG 1998

Jabu-PBB

CALON-CALON BERTANDING DALAM PBB DIMINTA KEMPEN SECARA HARMONI

KUCHING, 23 Ogos (Bernama) -- Calon-calon yang bertanding jawatan dalam pemilihan jawatankuasa Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang akan mengadakan perhimpunannya hujung minggu depan diingatkan supaya menjalankan kempen dalam suasana harmoni.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu yang juga pengerusi jawatankuasa pengelola perhimpunan itu berkata ini perlu bagi mengekalkan perpaduan parti.

"Saya yakin setiap calon dapat mematuhi arahan ini dan berkempen secara 'gentleman' bagi mengelak perpecahan parti," katanya selepas mempengerusi mesyuarat jawatankuasa perhimpunan itu di sini petang ini.

Jabu yang turut mengekalkan jawatan timbalan presiden tanpa bertanding bagi kerusi Pesaka berkata setakat ini jawatankuasa itu belum menerima sebarang aduan mengenai calon yang melakukan kempen secara terlaluan.

Pemilihan pucuk pimpinan PBB kali ini terutama bagi jawatan timbalan presiden bagi kerusi Bumiputera, dijangka hangat.

Penyandang jawatan itu, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Menteri di Jabatan Menteri, ditentang oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Adenan Satem dan Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Abang Johari Tun Openg.

Kedua-dua Adenan dan Abang Johari, yang disebut-sebut oleh Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud sebagai tokoh parti yang berpotensi menggantikan beliau, merupakan naib-presiden parti itu.

Taib mengekalkan jawatan presiden yang disandangnya sejak 1981 tanpa bertanding apabila kesemua 62 bahagian PBB mencalonkan beliau.

Jabu, berkata seramai 680 perwakilan akan menghadiri perhimpunan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat ini.

-- BERNAMA

opp WAT